

Sejarah

Lahad Datu, timur Sabah merupakan sebuah daerah yang mempunyai nilai sejarah tersendiri. Lahad Datu, semasa pemerintahan Chartered Company, merupakan tempat persinggahan datu-datu dari kesultanan Sulu. Lahad berasal dari perkataan suku Bajau-Sinama, yakni bermaksud tempat atau negeri, mana kala Datu, merupakan keturunan Bangsawan mahupun yang sudah lama menetap di daerah ini khususnya ketua-ketua suku kaum atau panglima dan Pembesar daerah. (source, Google/Wikipidea)

Ekonomi

Lahad datu merupakan kawasan perdagangan dan pemerintahan, sebelum pembangunan giat dijalankan, Lahad Datu menjalankan perniagaan kelapa dan kopra atau kelapa kering. Kini, ekonominya lebih tertumpu kepada penanaman kelapa sawit, selain dari ekonomi lain. (source, Google/Wikipedia)

Kedudukan

Lahad Datu dari segi geografi, terletak di kawasan pantai timur sabah di dalam bahagian Tawau. Ia terletak pada kedudukan latitud 5'1' utara dan longitud 118'19' timur pada jarak lebih kurang 500 km dari bandar berhampiran dengan beberapa tempat seperti Sandakan, tawau, Kinabatangan, Kunak dan Felda Sahabat. Manakal, keluasan daerah Lahad Datu ialah 6,635.2 km².

Lahad Datu mudah dikunjungi melalui jalan darat, air mahupun udara. Melalui jalan darat, Lahad Datu mempunyai sistem jalanraya yang menghubungkannya dengan bandar-bandar yang lain.

Jumlah penduduk Lahad Datu setiap tahun meningkat dengan kadar pertumbuhan purata tahunan (%) iaitu 10.01 bagi tahun 1980-1991 dan 3.10 bagi tahun 1991-2000. Manakala bagi jumlah penduduk ialah pada tahun 39,262 (1980), 118,096 (1991), 156,059 (2000). Populasi kaum bagi daerah Lahad Datu kebanyakannya terdiri daripada suku kaum Bajau, idahan, Iranun, Dusun Begahak, Bugis Suluk, Tidung, Melayu Cocos, dan imigran dari Indonesia dan Filipina.

Lahad Datu mempunyai tempat-tempat menarik untuk dikunjungi seperti pelancongan alam sekitar. Kawasan hutan Lahad Datu yang masih kurang diterokai telah mendorong kerajaan mewujudkan hutan simpan. Antara kawasan menarik yang terletak di sini ialah Hutan Simpan Lahad Datu, Lembah Danum, Taman Hidupan Liar Tabin dan Gua Madai.

Di dalamnya terletak daerah kecil Tungku.

Lapangan Terbang

Pada 23 April 2010, Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Abdul Rahim Bakri mengumumkan lapangan terbang baru akan dibina di sini kerana lapangan terbang

sedia ada tidak memenuhi piawaian keselamatan lapangan terbang antarabangsa atau 'Aviation Certification and Interoperability Office' (ACIO). Penduduk Lahad Datu kini melebihi 300,000 orang.

Alternatif ialah di Silabukan, kira-kira 25 kilometer dari Bandar Lahad Datu. Pilihan lain ialah Sandau, kira-kira 35 kilometer dari Bandar Lahad Datu. Silabukan merupakan kawasan lading kelapa sawit milik agensi kerajaan negeri sabah dan lebih mudah proses tukar milik dilakukan. Silabukan juga terletak di antara Tungku, Bandar Felda Sahabat dan Bandar Lahad Datu, berhampiran kawasan Kluster Perindustrian Kelapa Sawit (POIC) serta Hutan Simpan Tabin dan dihubungkan dengan system jalan raya yang baik.

Pusat Beli Belah dan pasaraya

servay hypermarket lahad datu / darvel bay plaza @ econsave / milimewa superstore / emporium ramai-ramai.

Majlis Daerah Lahad Datu

Latar belakang :

Majlis daerah lahad datu (MDLD) ditubuhkan pada 1 januari 1962 di bawah ordinan kerajaan tempatan 1961. Penubuhan ini bertujuan untuk memberikan kemudahan asas dan perkhidmatan bandaran. Peranan ini sebelumnya dimainkan oleh lembaga kesihatan di bawah pentadbiran pejabat daerah lahad datu.

Fungsi Majlis

Fungsi-fungsi utama majlis daerah lahad datu seperti yang telah ditetapkan dalam seksyen 14(1)(a) hingga (g) dalam suratcara majlis daerah lahad datu, 1961 adalah seperti berikut :-

- Memproses, meluluskan, mengeluarkan dan mengawal pelbagai jenis peniagaan dan penjaja, iklan-iklan dan papan tanda.
- Mengadakan perkhidmatan kebersihan Bandar dan menyediakan kawalan sampah sarap, perkhidmatan kutipan sampah, pembersihanparit, longkang dan saliran air, perkhidmatan saluran dan pembentungan najis.
- Memberi perkhidmatan kesihatan, kawalan makanan dan kebersihan premis makanan.
- Kawalan penyakit berjangkit
- Membina dan menyelenggara jalanraya, system perparitan dan saliran
- Membina, menyediakan dan menyelenggara kemudahan-kemudahan awam seperti pasar-pasar awam, gerai-gerai makan, gerai-gerai menjaja pondok-pondok bas, rumah penyembelihan haiwan ternakan dan rumah sampah

- Menyediakan kemudahan awam seperti dewan serbaguna, padang bola, taman rekreasi dan permainan kanak-kanak
- Mengindahkan dan menyelenggara sanitaria lam sekitar dengan penanaman pokok kayu, pokok bunga dan penyediaan kemudahan yang berkaitan
- Menyediakan dan memungut cukai-cukai pintu bangunan dan perumahan di kawasan perkadaran
- Mengawal dan merancang pembangunan daerah
- Menguatkuasakan undang-undang kecil majlis (Phak Berkuasa Tempatan)

Visi

3Ke arah menjadikan Bandar lahad datu mencapai status PERBANDARAN yang bersih, indah dan selamat menjelang tahun 2015

Misi

Memantapkan proses penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai dan meningkatkan kualiti lanskap pembangunan Bandar serta kualiti hidup masyarakat setempat. Misi majlis merangkumi tujuh (7) elemen utama dalam mencapai halatuju menjelang 2015 :-

1. Memantapkan system penyampaian perkhidmatan dengan lebih cekap dan berkesan
2. Memperkasa tadbir urus Majlis kea rah yang lebih cemerlang dan dinamik
3. Memantapkan system pengurusan kewangan dan kutipan hasil Majlis
4. Memaksimumkan penggunaan teknologi maklumat
5. Membangunkan kemudahan infrastruktur yang selamat dan selesa
6. Mempertingkatkan kualiti komuniti melalui penyediaan prasarana yang lebih mapan
7. Menggalakkan pertumbuhan aktiviti pelaburan, perindustrian, perniagaan komersial dan ruang aktiviti pelancongan